

PM kecewa Melayu masih tidak bersatu

UM 13 JUN 2000

TOKYO 12 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melahirkan rasa kecewa kerana masyarakat Melayu selepas pilihan raya umum lalu masih belum merapatkan semula barisan dan perpaduan sedangkan negara semakin menghadapi 'keadaan cemas' daripada serangan luar.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan yang di bawah kepimpinan Melayu sedang diserang dan usaha terus dilakukan oleh kuasa luar untuk menguasai ekonomi negara supaya Malaysia tunduk kepada mereka seperti negara-negara lain.

Menurut beliau, sepatutnya masyarakat Melayu merapatkan segera barisan selepas pilihan raya umum lalu dengan menyokong kerajaan pada masa ini bagi menghadapi serangan-serangan itu.

"Saya berasa amat sedih kerana kita berada dalam keadaan cemas sedangkan orang Melayu masih belum merapatkan barisan, dan asyik dengan perselisihan sesama mereka" katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas perkembangan politik tanah air antara-

nya keputusan pilihan raya kecil Telok Kemang dan pembubaran semakin banyak cawangan Keadilan.

Dr. Mahathir menambah orang Melayu kini lebih asyik memperkatakan kononnya pihak lain lebih Islam dan pihak lain pula kurang Islam serta pelbagai perkara lagi yang tidak membantu kekuatan orang Melayu.

"Perkara-perkara macam ini cuma melemahkan kita. Akhirnya negara kita tidak kira lebih Islam atau kurang Islam, akan ditakluk oleh orang asing," ujarnya.

Perdana Menteri mena-

rik perhatian bahawa penaklukan itu khususnya dari segi ekonomi telah berlaku di depan mata dan masyarakat Melayu mengambil mudah.

"Ia tidak berlaku sekarang kepada kita mempunyai kerajaan yang kuat. Tetapi kalau percubaan terus dibuat untuk melemahkan kerajaan maka kerajaan yang lemah tidak mungkin dapat mempertahankan negara ini," tegas beliau:

Mengenai pembubaran satu demi satu cawangan Keadilan dengan ahlinya menyertai UMNO, Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata:

"Lama-kelamaan, mereka semua akan sedar. Ada yang sedar lebih awal dan ada kemudian baru sedar."

Kata Perdana Menteri, beliau berharap orang Melayu akan memikirkan masa depan mereka dengan kembali bersatu di bawah naungan pimpinan kerajaan sekarang.

Pada Perhimpunan Agung UMNO bulan lalu, Dr. Mahathir dalam ucapan perasmianya mengajak seluruh orang Melayu bertaut kembali memandangkan masa depan orang Melayu yang belum selamat dengan pelbagai asakan khususnya dari luar. — *Utusan*